

# Kursus ERT bentuk pendidik serba boleh

**BATU PAHAT** - Mahasiswa Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional (FPTV) Universiti Tun Hussein Malaysia (UTHM) baru-baru ini mengadakan Kursus Asas Emergency Response Team (ERT) yang turut disertai beberapa agensi tertentu.

Pengarah program, Khairul Azha Che Ani berkata, antara agensi yang terlibat ialah pasukan Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela); Hospital Enche' Besar Hajjah Kalsom, Kluang dan Kolej Jururawat Batu Pahat.

Katanya, dalam masa sama pihaknya turut melibatkan pasukan beruniform dari kalangan mahasiswa UTHM sendiri iaitu Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) dan Kor Sukarelawan Siswa Siswa (Suksis).

"Dengan mendapat tunjuk ajar daripada jurulatih berpengalaman, Shahrome Shahadan, pelbagai aktiviti dijalankan secara kerjasama termasuklah perkongsian ilmu dan juga pengalaman.

"Peserta didedahkan latihan menyelamat

mangsa kemalangan, kebakaran dan juga pengurusan bencana. Dalam masa sama peserta juga diajar cara bantuan pernafasan kepada mangsa dan balutan asas jika berlaku luka kepada mangsa," katanya.

Sementara itu, penasihat program, Mejar Mohd Shafee Idris berkata, program itu adalah syarat untuk mahasiswa FPTV tamat pengajian, di mana mereka wajib menduduki subjek pengurusan kokurikulum.

"Tujuan utama aktiviti ini adalah untuk menjadikan mereka ini aktif dan menjadi warga pendidik yang mempunyai ilmu lengkap baik dari segi pendidikan mahupun kegiatan kokurikulum serta kegiatan luar.

"Dalam masa yang sama kita melibatkan komuniti setempat, dan ini akan menjadikan warga UTHM mempunyai hubungan yang erat dengan orang ramai. Hubungan dengan masyarakat itu memberikan mahasiswa ini pengalaman sebelum mereka menjadi warga pendidik sebenar satu hari nanti," katanya.



Mahasiswa FPTV UTHM bersama wakil agensi kerajaan dan komuniti setempat yang terlibat dalam kursus berkenaan.